

03/11/1998

Pejabat Reuters nyaris terbakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Pejabat Agensi Berita Reuters di Menara Berkembar Petronas di sini, nyaris terbakar akibat tindakan pihak tertentu membakar sampah dan bahan pelarut thinner berhampiran lif pejabat berkenaan.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kebakaran itu.

Kebakaran dipercayai bermula kira-kira jam 8.30 malam dan asap memenuhi tingkat 32 bangunan itu yang menempatkan pejabat baru Reuters yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Sabtu lalu.

Jurucakap bomba berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 9.43 malam.

Menurutnya, sebuah jentera bomba dari Balai Bomba Jalan Hang Tuah dengan tujuh anggota dihantar ke tempat kejadian.

"Siasatan awal mendapati kebakaran itu adalah perbuatan khianat berikutan anggota bomba menjumpai pemetik api, thinner dan sampah yang digunakan untuk memulakan kebakaran," katanya.

Menurutnya, polis turut dipanggil ke tempat kejadian berikutan penemuan bahan berkenaan.

(END)